

# Bersatu teguh harungi cabaran 2016

## Rakyat Malaysia wajar saling membantu pihak kurang mampu



**IDRISS  
JUSOH**

2015 adalah tahun mencabar buat rakyat Malaysia. Bagaimanapun, roh persaudaraan dan penggemblengan tenaga dalam kalangan rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta memberi sinar dalam mengatasi cabaran.

Pak Ngah tersenyum lebar apabila saya membantu anaknya, Farid, memilih kasut untuk penggal baharu persekolahan 2016. Farid yang memakai baju pasukan bola sepak Liverpool, seronok mendapat baju, seluar dan beg sekolah baharu.

Pak Ngah, ibu Salmah dan 400 ibu bapa daripada keluarga miskin lega mendapat bantuan pakaian sekolah sumbangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Universiti Taylor's.

Ini adalah amalan setiap tahun di kawasan Parlimen saya, Besut, untuk meringankan beban keluarga miskin. Dengan bantuan NGO dan swasta, insya-Allah anak keluarga miskin di Besut dipermudahkan urusan persekolahan mereka dan dapat menimba ilmu dengan selesa. Program Ceria Kembali ke Sekolah ini dianjurkan Majlis Kebajikan Pelajaran Besut dan pejabat Parlimen. Terima kasih kepada semua yang membantu.

### Sedia khidmat perubatan terbaik

Selepas program itu saya ke rumah Rahim, pesakit buah pinggang yang baru mendapat gantian buah pinggang daripada penderma. Rahim sudah dua minggu pulang dari Kuala Lumpur selepas mendapat rawatan di sana. Dia nampak ceria. Jika dahulu Rahim perlu menjalani dialisis tiga kali seminggu, sekarang tidak lagi. Walaupun nampak lemah, beliau gembira dan bersyukur.

Doktor yang merawat Rahim memberitahu saya kos rawatan kira-kira RM200,000. Ubat yang dimakan harian RM300. Ia dibiayai kerajaan. Rahim yang menghidap penyakit buah pinggang sejak 17 tahun lalu memberitahu saya bahawa mungkin kerajaan membelanjakan hampir setengah juta ringgit untuk perubatan beliau.

Di Malaysia, kini ada kira-kira 150 hospital untuk 30 juta rakyatnya. Kerajaan komited memberi perkhidmatan perubatan terbaik untuk rakyat dan kebanyakan hospital kerajaan dilengkapi teknologi dan peralatan terkini.

Selepas melawat Rahim, saya jenguk sekejap ke warung di Kuala Besut untuk membasah tekak. Restoran dipenuhi pelanggan yang pulang ke kampung dan sedang bercuti. Saya juga diberitahu supaya bertolak awal ke lapangan terbang supaya tidak lewat kerana jalan raya sesak dengan kereta. Alhamdulillah, aktiviti ekonomi di sekitar Besut cukup

menjadi pada musim cuti sekolah ini.

Kemudian, saya menziarah Azmil dan empat adiknya. Mereka kehilangan ibu dua hari lalu. Azmil, 21, masih bercita-cita melanjutkan pelajaran. Tiga adiknya juga masih belajar dengan yang bongsu, Nadia, baru berumur 5 tahun. Bapanya, seorang kenalan saya meninggal setahun lalu kerana penyakit barah.

Sekarang mereka yatim piatu. Kami mengurus supaya anak yatim piatu ini mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Masyarakat juga banyak menderma untuk membantu Azmil dan adik-adiknya. Insya-Allah keprihatinan masyarakat setempat akan memastikan Azmil dan adik-adiknya sentiasa dijaga dan dikasihi.

Teringat saya kepada ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang mengatakan bahawa sebahagian harta kita adalah milik saudara kita. Atas semangat inilah masyarakat di Besut saling membantu.

Sewaktu penerbangan pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kapal terbang hampir penuh. Apabila tiba di KLIA, saya berjumpa jemaah yang baru balik dari mengerjakan umrah, antaranya Pak Malik, jiran di kampung, bersama isteri dan tiga anak mereka. Ustaz Mohamad juga sama-sama pulang. Beliau adalah mutawif kepada jemaah berkenaan.

### Kurangkan kos sara hidup rakyat

Alhamdulillah, ramai rakyat Malaysia berpeluang mengerjakan umrah hujung tahun ini. Saya mendoakan agar mereka dikurniakan umrah yang mabrur.

Sejak kebelakangan ini, saya membaca banyak artikel mengenai kesusahan yang melanda perniagaan dan ekonomi negara apabila harga minyak dunia jatuh ke paras AS\$37 satu tong. Tidak kurang juga kesusahan dirasakan rakyat apabila dikatakan kos sara hidup meningkat. Tidak dinafikan keadaan ekonomi yang mencabar memberi kesan kepada setiap lapisan masyarakat. Bahkan, Kementerian saya juga tidak terlepas daripada pengurangan bajet.

Kerajaan memahami beban dihadapi rakyat dan kerap membincangkan bagaimana rakyat boleh dibantu dan beban dikurangkan. Ini usaha berterusan dan kadangkala kerajaan perlu mengambil keputusan tidak popular namun diperlukan. Contohnya, walaupun sambutan terhadap Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kurang baik, pelaksanaannya membolehkan kira-kira RM16 bilion dijana untuk negara, sekali gus memastikan kewangan negara tidak terlalu terkesan akibat kejatuhan harga minyak.

Walau apa pun, Alhamdulillah rakyat nampak masih mampu. Pentingnya, banyak NGO dan pihak swasta terus membantu. Insya-Allah, melalui penggemblengan tenaga kerajaan, NGO dan swasta, golongan miskin, anak yatim dan mereka yang kurang berada akan terus dibantu.

Saya doakan pada tahun 2016 rakyat akan lebih ceria dan diberkati.



**Penulis**

ialah Menteri Pendidikan Tinggi

### SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan  
Kumpulan NSTP  
**Datuk Abdul Jafil Hamid**  
jalil@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Mahfar Ali**  
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Badruhissham Othman**  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran Percetakan & Digital  
**Rosli Safar**  
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Berita/Rencana/Digital  
**Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

**BH**  
diterbitkan oleh The New  
Straits Times Press (M) Bhd,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur,  
Tel: 1-300-22-6787  
Faks: 03 20567081  
Laman Web:  
www.bharian.com.my  
E-mel:  
bhrencana@bh.com.my